

BAB 5 : PENDIDIKAN D1 TANAH MELAYU ZAMAN PENJAJAH

5.1. Pengenalan

Pada amnya pendidikan di Tanah Melayu zaman penjajah adalah dari acuan barat. Penjajah juga datang membawa motif kapitalisme dan mempunyai ciri-ciri elitisme, pemisahan etnik, diskriminatif secara sengaja, menggalakkan polarisasi dan tidak mempunyai matlamat untuk pembangunan dan penyatuan bangsa Melayu. Penjajah juga telah menanamkan asas pendidikan barat kepada masyarakat Melayu secara halus. Pendidikan Islam yang sedia ada tidak diambil berat oleh penjajah kerana penjajah mahukan masyarakat Melayu mengamalkan budaya bahawa agama dan urusan dunia haruslah dipisahkan. Fahaman ini dipanggil sekular yang mementingkan dunia untuk mencapai kemajuan. Agama hanya berperanan di gereja atau tempat ibadat sahaja. Penjajah juga tidak bersungguh-sungguh dalam pembangunan sistem pendidikan di Tanah Melayu dan ianya hanya diperkuuhkan oleh usaha-usaha orang persendirian, masyarakat tempatan dan persatuan-persatuan pendakwah Kristian.

Sekularisme di Tanah Melayu, sebenarnya datang bersama-sama penjajah Inggeris yang menakluk negara ini dari tangan Belanda. Dalam Perjanjian Pangkor pada 1874 antara Sultan Abdullah (Sultan Perak) dan Sir Andrew Clarke, syarat penting dalam perjanjian itu ialah residen Inggeris akan menasihati sultan dalam semua hal pentadbiran negeri kecuali mengenai agama Islam dan adat Istiadat Melayu. Dengan demikian segala urusan pentadbiran dan perlaksanaan undang- undang negeri terserah kepada Inggeris yang pastinya mengikut sistem dan acuan mereka yang tidak pernah memikirkan soal agama

dan sebagainya. Di sini para sultan sudah kehilangan hak politik dan pemerintahan dan tidak lagi berkuasa untuk mencegah usaha-usaha menanamkan fahaman sekular yang dibawa oleh Inggeris. Dan akhirnya berlakulah apa yang dinamakan pemisahan politik dari agama, atau agama dari negara.

5.2. Zaman Penjajahan

Negara kita merupakan sebuah negara bekas tanah jajahan. Walaupun ia tergolong sebagai sebuah negara Komanwel, iaitu sebagai salah sebuah bekas tanah jajahan Inggeris, namun negara kita juga pernah dijajah oleh penjajah-penjajah lain selama lebih kurang 446 tahun (dari tahun 1511-1957). Penjajah-penjajah yang pernah menjajah negara kita ialah Portugis, Belanda, Inggeris, Jepun dan Siam. Hanya Inggeris dan Jepun sahaja yang dapat menjajah hampir keseluruhan Tanah Melayu dan banyak meninggalkan kesan sejarah.

Faktor penjajahan adalah berkait rapat dengan adanya sumber bumi dan hasil kekayaan lain. Selain itu juga kawasan kepulauan Melayu adalah merupakan tempat mereka memperluaskan pengaruh politik dan agama Kristian.

Portugis menjajah kota Melaka pada 1511 dengan faktor utamanya ialah untuk menguasai perdagangan di Timur di samping mengembangkan agama Kristian. Penjajahan Portugis telah berjaya menjatuhkan Kesultanan Melayu Melaka dan telah melahirkan kerajaan Melayu Johor-Riau.

Belanda dengan bantuan kerajaan Johor telah menawan Melaka dari Portugis pada tahun 1641. Belanda lebih menumpukan kawasan jajahannya di Indonesia iaitu di Betawi (sekarang dikenali Jakarta) dan di tanah Melayu. Belanda hanya berminat dengan perlombongan bijih timah. Penjajahan Belanda berakhir apabila persetiaan Inggeris-Belanda pada tahun 1824 dan Melaka diserahkan kepada Inggeris. Penjajahan Belanda tidak banyak dicatatkan dalam sejarah dan tidak banyak memberi kesan kepada negara kita.

Penjajahan Inggeris di Tanah Melayu bermula dengan pembukaan Pulau Pinang oleh Francis Light pada tahun 1786, pembukaan Singapura oleh Stamford Raffles pada tahun 1819 dan persetiaan Inggeris-Belanda pada tahun 1824. Melalui Perjanjian Persekutuan pada tahun 1896, negeri-negeri Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan disatukan dibawah satu pemerintahan pusat menjadi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Melalui Perjanjian Bangkok pada tahun 1909, Siam bersetuju menyerahkan negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah kepada Inggeris dan dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu tidak Bersekutu.

Penjajahan Jepun pula adalah peristiwa penting dalam sejarah kerana Jepun hanya menduduki Tanah Melayu selama tiga tahun setengah (15 Februari 1942 – 15 Ogos 1945). Penaklukan Jepun ke Tanah Melayu berlaku dengan begitu cepat dan berkesan tetapi kesannya amat mendalam. Penjajahan Jepun banyak meberikan kesan pada ekonomi yang kucir kacir, perselisihan antara kaum dan seterusnya penderitaan yang dialami oleh rakyat.

Sebaik sahaja Jepun menyerah kalah, Parti Komunis Malaya (PKM) telah cuba mengambil alih pemerintahan negara. Namun setelah Inggeris kembali ke Tanah Melayu, PKM cuba menggunakan perang gerila untuk merampas kuasa sehingga menyebabkan Inggeris terpaksa mengistiharkan darurat pada 16 Jun 1948.

Peranan Siam pula telah lama menaungi negeri-negeri utara iaitu Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu sejak tahun 1821 hingga 1909 pada perjanjian Bangkok dengan pihak Inggeris.

Penjajah datang menjajah Tanah Melayu dengan agenda yang tersendiri dan yang paling jelas memainkan peranan penting dalam agenda penjajahan ialah kerajaan Inggeris. Kerajaan Inggeris telah menjalankan dasar ‘pecah dan perintah’ dan telah menerapkan sekularisme kepada masyarakat melayu.

Melalui dasar inilah Inggeris telah menjalankan sistem pendidikan sekular di Tanah Melayu secara menyeluruh. Berdasarkan fahaman sekular yang diamalkan oleh penjajah maka pengkaji ingin mengulas serba sedikit mengenai sekular.

Jadual 6

KRONOLOGI PENJAJAHAN INGGERIS DI TANAH MELAYU

TARIKH	PERISTIWA PENJAJAHAN
1786	Francis Light membuka Pulau Pinang
1819	Stamford Raffles membuka Singapura
1824	Inggeris menerima Melaka daripada Belanda akibat daripada Persefian Inggeris-Belanda
1826	Pulau Pinang, Melaka dan Singapura disatukan dalam satu unit pentadbiran yang dikenali sebagai Negeri-negeri Selat
1841	James Brooke mengambil Sarawak
1874	Campur tangan Inggeris di Perak, melalui Perjanjian Pangkor
1874	Campur tangan Inggeris di Sungai Ujung
1878	Raja Brunei menyerahkan kawasannya di Sabah kepada Inggeris
1888	Campur tangan Inggeris di Pahang
1896	Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang disatukan dalam satu pentadbiran yang dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu
1909	Mengikut Perjanjian Bangkok, Siam menyerahkan Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu kepada Inggeris (negeri-negeri ini menjadi Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu)
1914	Johor menerima penasihat Inggeris
1945	Pentadbiran Tentara British ditubuhkan (BMA)
1946	Malayan Union ditubuhkan di Tanah Melayu
1948	Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan menggantikan Malayan Union
1957	Negara kita mencapai kemerdekaan

(Nazaruddin Haji Mohd Jali, et. al., 2001 : 14)

5.3. Pengertian Sekular

Menurut Kamus Dewan 'sekular' ialah sesuatu yang berkaitan dengan keduniaan, bersifat duniawi dan tidak berkaitan dengan keagamaan. (Teuku Iskandar, 2002 : 1213)

Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, ilmu yang sampai kepada kita dari barat itu ialah ilmu yang sekular, iaitu ilmu yang tidak ada hubungannya dengan agama akibat daripada pensekularan, yang ditakrifkan oleh beliau sebagai :

'The deliverance of man first from religious and then from metaphysical control over his reason and his language' (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1978 : 15).

Sekularisme adalah suatu kepercayaan atau fahaman yang menganggap bahawa urusan keagamaan atau ketuhanan atau gereja tidak harus dicampurkan dengan urusan negara, politik dan pentadbiran. Ringkasnya sekularisme adalah satu fahaman yang memisahkan antara urusan agama dan kehidupan dunia seperti politik, pentadbiran, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Yang jelas menurut faham sekular, soal bernegara, berpolitik, berekonomi dan sebagainya tidak ada kaitan dengan soal agama atau gereja.

Pada pandangan Dr. Yusuf al-Qardhawi, sekular ialah satu aliran pemikiran barat yang memisahkan agama dan negara. Dengan ungkapan lain, antara agama dan kehidupan masyarakat. Agama menurut pandangan barat

adalah hubungan antara manusia dengan tuhan. Tempatnya adalah dihati yang berada di dalam diri. Jika hati dan sanubarinya keluar, maka ia tidak dibenarkan melepas dinding-dinding gereja atau rumah ibadat. Bukan urusan agama untuk mengatur kehidupan dengan undang-undang dan kewajipan yang mesti dipatuhi, atau mewajibkan ajaran-ajaran dan hukum-hakamnya ke atas institusi-institusi yang mengurus dan mengatur urusan masyarakat seperti urusan pendidikan, sosial, ekonomi, kebudayaan, pemikiran, penerangan, pentadbiran, politik dan perundangan. (Yusuf al-Qardawi, 1999: 23)

Istilah agama pula tidak dimaksudkan untuk agama Islam sahaja, tetapi meliputi juga agama-agama lain. Di barat yang dimaksudkan dengan ilmu sekular ialah tidak ada hubungan dengan agama Kristian.

5.4. Situasi Pendidikan Islam Zaman Penjajah

Pada permulaan zaman penjajah, sekolah agama terus berfungsi tanpa sebarang campur tangan. Ini kerana pihak British tidak ingin campur tangan dalam hal ehwal agama dan adat resam orang-orang Melayu. Dengan itu, pihak British tidak terlibat dalam pengelolaan dan pengendalian sekolah-sekolah agama.

Sekolah agama yang ditubuhkan pada zaman penjajah adalah lebih kemas pengelolaannya. Sekolah ini lebih dikenali sebagai madrasah atau sekolah agama yang moden dan ia dipelopori oleh golongan muda. Kurikulum sekolah agama moden ini merangkumi ilmu keduniaan dan ilmu akhirat.

Madrasah banyak ditubuhkan di Kelantan, Kedah dan Terengganu. Sekolah-sekolah agama moden seperti ini dapat menandingi sekolah-sekolah Melayu yang disediakan oleh pihak British. Ini kerana mutu pendidikan yang disediakan oleh sesetengah sekolah agama moden ini baik. Ini terbukti apabila pelajar-pelajar lepasan sekolah-sekolah agama itu dapat meneruskan pelajaran di Universiti al-Azhar di Mesir dan universiti-universiti lain di Asia Barat.

Namun setelah British sedar bahawa madrasah atau sekolah agama memainkan peranan penting dalam peningkatan pemikiran masyarakat Melayu Islam, mereka mula meminggirkan pendidikan Islam dan ianya menjadi pendidikan peribadi bagi masyarakat Melayu. Hanya ibu bapa yang berpegang teguh dengan ajaran Islam terus menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama. Sekolah mengaji al-Quran yang menjadi pusat pendidikan masyarakat Melayu telah diambil alih oleh British pada tahun 1872 Masihi untuk dijadikan sekolah vernakular Melayu. (Suhanim Binti Abdullah, 2001 : 111)

Pencerobohan British ke atas sistem pengajian tradisional al-Quran, sedikit sebanyak telah menyinggung perasaan masyarakat Melayu. Ternyata bahawa kerajaan British lebih mementingkan sekolah Melayu dan mengabaikan pengajian al- Quran. Kerajaan British juga telah meletakkan mata pelajaran agama Islam sebagai mata pelajaran kelas kedua dan diajar pada sesi petang. Menurut Abdul Aziz Mat Ton, otak tidak cergas dan tidak mampu lagi menerima pelajaran dengan baik selepas waktu tengahari kerana pengaruh cuaca yang panas. Elaun juga hanya diberikan kepada guru-guru sekolah Melayu sementara

guru al-Quran dibiayai sendiri oleh ibubapa pelajar. (Abdul Aziz Mat Ton, 1978 : 5)

Menurut Abdullah Ishak, masyarakat Melayu tidak berpuas hati sekadar menghantar anak-anak ke sekolah mengaji al-Quran yang diambil alih oleh kerajaan British. Sebaliknya, mereka juga menghantar anak-anak mereka ke rumah-rumah tuk guru, surau dan masjid untuk mempelajari asas agama dan pembacaan al-Quran dalam bentuk tradisional. (Abdullah Ishak, 1995: 143)

British mula menubuhkan sekolah Inggeris dan sekolah Melayu secara meluas dan ini telah dianggap oleh masyarakat Melayu sebagai ancaman kepada budaya dan agama Islam, kerana sekolah-sekolah tersebut dianggap menyebarkan ideologi sekularisme. Sebagai langkah untuk persaingan kumpulan ulama muda telah menubuhkan institusi madrasah untuk mengukuhkan kedudukan politik dan sosio-ekonomi melalui pendidikan moden dan mampu mendepani cabaran semasa. (Sufean Hussin, 1996: 20-21)

Sebagai langkah untuk menguatkan lagi sekularisme, British merancang dan telah pun berjaya melahirkan segolongan pemimpin di kalangan Melayu Islam sendiri yang telah disekularaskan dengan sistem pendidikan. Golongan ini kemudiannya menjadi pentadbir, perancang negara dan pemimpin yang menjadi agen kepada kesinambungan dasar penjajah itu sendiri.

Golongan ini kemudian berjaya memesongkan akidah dan perjuangan masyarakat Islam di Tanah Melayu, dan mereka seterusnya berjaya

menanamkan fahaman sekular itu ke dalam masyarakat Melayu sehingga orang-orang Melayu yang beragama Islam itu turut memuja fahaman kebendaan dan sesuatu yang berlandaskan hawa nafsu.

Walaupun pendidikan Islam dipinggirkan dan dipenuhi dengan cabaran serta rintangan oleh British, tetapi masyarakat Melayu pada masa tersebut berpegang teguh dengan pegangan agama Islam, tetap berusaha mempertahankan seterusnya memajukan pendidikan Islam di Tanah Melayu. Ini kerana pendidikan amat berperanan untuk mencorakkan anak-anak bangsa yang bakal mewarisi kepimpinan masa depan. Pendidikan Islam ternyata berjaya dikekalkan dengan kewujudan dan penubuhan institusi madrasah di seluruh negara. Dengan kerjasama dan sokongan moral serta meterial dari masyarakat Islam dalam dan luar negara Kolej Islam Malaya berjaya ditubuhkan dan dibuka secara rasminya oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor al-Marhum Tuanku Hishamuddin Alam Shah pada 8 april 1955 Masihi. (Abdullah Jusuh, 1990: 21)

5.5. Sistem Pendidikan Zaman Penjajah

Sejarah telah membuktikan bahawa sistem pendidikan sekarang ini merupakan warisan daripada sistem pendidikan zaman pemerintahan British. Amalan dan dasar pendidikan British yang telah mengongkong selama lebih daripada satu abad didapati sukar diubah corak dan strukturnya, iaitu seakan-akan sudah sebatи atau telah menjadi norma masyarakat negara ini. (Sufean Hussin, 1993 : 4)

Kerajaan British pada awalnya boleh dikatakan tidak berhasrat untuk memajukan bidang pendidikan semasa ia memerintah Tanah Melayu. Ramai pegawai Inggeris berpendapat bahawa pendidikan, khususnya untuk kaum Melayu tidak mendarangkan faedah tetapi sebaliknya akan menimbulkan kesedaran pada golongan yang terdidik untuk menentang kerajaan British. Walau bagaimanapun atas desakan pembesar-pembesar Melayu iaitu sultan-sultan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, pihak pemerintahan British merasakan ada baiknya memberikan pendidikan seta kat pendidikan rendah untuk orang Melayu. Orientasi dan motif politik pihak British yang ingin bertapak di Tanah Melayu menyebabkan mereka tidak mahu mencampuri urusan meningkatkan tarat hidup dan pemikiran masyarakat Melayu. Pengalaman di India telah menyedarkan Inggeris bahawa dengan memberikan pendidikan kepada masyarakat peribumi akan menyedarkan mereka untuk menentang pihak penjajah. Dasar penyekatan British dalam membangunkan sistem pendidikan di Tanah Melayu disuarakan dengan jelas oleh Arthur Kenion, seorang pegawai tinggi Inggeris yang berbunyi :

'Awak boleh mengajar orang-orang Melayu awak itu supaya mereka tinggal terus di sawah-sawah padi dan supaya mereka tidak hilang kemahiran dan kesenian dalam kerja-kerja menangkap ikan dan kerja-kerja harian. Ajarkan mereka supaya mereka memuliakan kerja buruh, supaya tidak semua mereka menjadi kerani, dan saya yakin awak tidak akan menghadapi kekacauan seperti yang terjadi di India akibat pelajaran berlebihan'. (Awang Had Salleh. 1974: 12)

Inisiatif tentang pendidikan di Tanah Melayu bukan diambil berat oleh kerajaan British, tetapi ianya dibiayai oleh pertubuhan agama dan kumpulan

bebas. Pertubuhan-pertubuhan Kristian adalah bertanggungjawab bagi penubuhan pelbagai sekolah pengantar Inggeris yang terbaik di Tanah Melayu. Yang pertama antaranya telah ditubuhkan oleh Dr. R.S. Hutchings, Paderi Aglican di Pulau Pinang dalam tahun 1816 dan diberi nama *Penang Free School* kerana ia terbuka kepada kanak-kanak semua kaum dan yuran tidak dikenakan kepada ibubapa yang tidak mampu. Sebahagian besar perbelanjaan sekolah tersebut telah dibiayai oleh orang ramai dan derma yang besar dari Syarikat Hindia Timor (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1970 : 220)

Sepertimana yang kita telah ketahui bahawa dasar pemerintahan British di Tanah Melayu ialah 'pecah dan perintah'. Dengan itu, sikap seperti ini telah menyebabkan empat lagi sistem persekolahan wujud, selain daripada sekolah agama. Sistem persekolahan tersebut ialah sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina, sekolah vernakular Tamil dan sekolah Inggeris. Selain daripada itu juga tidak terdapat satu dasar pelajaran kebangsaan pada masa itu. Sikap kedaerahan atau kenegerian yang diwarisi setiap kaum juga mendorong sistem persekolahan yang berlainan. Sekolah vernakular bermakna sekolah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran.

Oleh kerana kerajaan British tidak ada suatu dasar pelajaran yang sejajar dengan tujuan dan matlamat tetap, sekolah-sekolah berbilang bahasa dapat berkembang mengikut kehendak-kehendak kumpulan etnik pada masa itu. Oleh itu wujudlah lima jenis persekolahan ini dalam sistem pendidikan dalam zaman pemerintahan British iaitu sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina,

sekolah vernakular Tamil, sekolah Inggeris dan sekolah agama atau madrasah. Kewujudan vernakularisme dalam sistem pendidikan pemerintahan Inggeris adalah dipengaruhi oleh faktor politik, ekonomi, sosiobudaya dan agama. (Sufean Hussin, 1993: 5)

5.5.1. Sekolah Vernakular Melayu

Keputusan oleh kerajaan Negeri-negeri Selat untuk menubuhkan sekolah Melayu berlaku selepas mendapat arahan dari Mahkamah Pengarah-Pengarah dari India pada tahun 1855. Keputusan ini bermula pada tahun 1854, apabila Gabenor Jeneral di India menghantar perutusan Jemaah pengarah melawat Negeri-Negeri Selat untuk membuat laporan pendidikan di negeri-negeri tersebut. Pada tahun 1855, sebuah sekolah Melayu telah didirikan di Bayan Lepas, Pulau Pinang. Pada tahun berikutnya, iaitu pada tahun 1856, dua buah lagi sekolah Melayu dibuka, iaitu di Teluk Belangah dan di Kampung Gelam Singapura. Sekolah di Teluk Belangah, kemudiannya dijadikan maktab perguruan bagi guru-guru sekolah Melayu. Sekolah di Kampung Gelam pula berubah menjadi sekolah Quran sehingga disusun semula. (Sufean Hussin, 1993 : 12)

Mengikut dasar pelajaran yang ditetapkan oleh kerajaan British, kanak-kanak Melayu akan diberi pelajaran percuma di peringkat rendah dalam bahasa Melayu selama empat tahun. (Zuraina Majid, 1985 : 101) Sejak 1854 Masihi kebanyakan pentadbiran sekolah al-Quran telah diambil alih oleh kerajaan Inggeris dengan membiayai pengajian dan memberikan bantuan penuh. Kurikulumnya diubahsuai, iaitu mengandungi mata pelajaran Rumi di samping

mata pelajaran Jawi, Kira-kira, Kesihatan, Lukisan dan mata pelajaran Agama termasuk pelajaran al-Quran. Lama-kelamaan, pentadbiran dan perjalanan sekolah tersebut berubah corak. Masa persekolahan dibahagikan kepada dua sesi iaitu pagi dan petang. Sesi pagi dikhususkan dengan pelajaran akademik dan disebut 'sekolah Melayu' manakala sesi petang diajar pelajaran agama dan dinamakan 'sekolah al-Quran'. Guru-guru akademik dibiayai oleh kerajaan, manakala guru-guru agama pula dibiayai oleh ibu bapa secara persendirian. (Abdullah Ishak, 1995 : 138)

Pada tahun 1872 A.M. Skinner telah memulakan sekolah-sekolah Melayu berdasarkan kelas Quran dalam satu percubaan. Di sekolah pagi, pelajaran biasanya dijalankan, manakala pelajaran agama Islam diajar pada sebelah petang. Mata pelajaran yang dipelajari ialah bacaan, mengarang, ejaan, menulis, Ilmu Hisab, Ilmu Alam dan Latihan Jasmani. Mulai abad ke-20, perkebunan dan anyaman diperkenalkan. Guru-guru pelajaran biasanya dibiayai oleh ibu bapa murid-murid berkenaan. Rancangan Skinner berjaya dan ini menyebabkan lima buah lagi sekolah Melayu didirikan. (Sufean Hussin, 1993: 12)

Pengasingan masa kepada dua sesi pengajian merupakan suatu fahaman dan konsep baru yang cuba diperkenalkan dan diorentasikan di rantau ini. Ini juga merupakan suatu doktrin yang cuba memisahkan dan mengkategorikan ilmu, diantara ilmu agama dan ilmu bukan agama.

Pada tahun 1872 juga A.M. Skinner yang memangku *Magistrate* telah dilantik menjadi Nazir sekolah-sekolah. Ini sesuai dengan cadangan yang dibuat

oleh sebuah jawatankuasa khas (*Select Committee*) dari Majlis Undangan yang dibentuk dalam tahun 1870 bagi mengkaji pelajaran tempatan supaya dilantik seorang nazir atau pengarah sekolah-sekolah. Usul ini dibuat oleh jawatankuasa tadi kerana didapati terlalu banyak sekolah-sekolah dalam tanah jajahan itu dan masing-masing dengan sistemnya sendiri dengan tidak dibetulkan oleh penyeliaan kerajaan British. Jawatan Nazir sekolah telah diubah dalam tahun 1901 menjadi pengarah pengajaran Umum bagi Negeri-Negeri Selat. Dalam tahun 1872 ada 16 buah sekolah Melayu dengan pendaftaran pelajar seramai 596. Kemajuan sekolah Melayu amat memberangsangkan sejak ketika itu. (Awang Had Salleh, 1974 : 3)

Pada tahun 1863, tiga buah sekolah Melayu telah didirikan di seberang Perai, iaitu di Penaga, Permatang Pauh dan Bukit Tambun. Pada tahun 1868, kedua-dua sekolah di penaga dan Permatang Pauh ditutup dan manakala sekolah di Bukit Tambun ditukar menjadi sekolah Inggeris. Penutupan sekolah-sekolah Melayu yang dibina oleh kerajaan Inggeris adalah disebabkan oleh kurangnya kesedaran masyarakat Melayu ketika itu tentang kepentingan pendidikan, tiada sistem pengangkutan yang baik dan pemikiran orang-orang Melayu yang menyatakan bahawa sekolah-sekolah kerajaan menyebarkan ideologi sekular yang bertentangan dengan ajaran Islam. Lagipun anak-anak perempuan tidak digalakkan langsung untuk pergi ke sekolah.

Sekolah vernakular Melayu menyediakan pendidikan asas selama empat tahun dan mendapat bantuan penuh daripada kerajaan. Walau bagaimanapun bantuan tidak disediakan bagi kelas-kelas agama pada sesi petang. Oleh yang

demikian juga kerajaan Inggeris telah membina secara beransur-ansur sekolah-sekolah rendah vernakular Melayu sejak pertengahan abad ke19 hingga kini zaman perang Dunia Kedua.

Pada tahun 1903 semasa R.J. Wilkinson menjadi nazir sekolah, pelajaran bahasa Melayu ditingkatkan lagi apabila huruf Rumi diperkenalkan untuk menggantikan huruf Jawi. Wilkinson juga dapat menerbitkan kesusasteraan Melayu klasik dan mengasaskan sebuah maktab perguruan Melayu di Melaka pada tahun 1907. (Zuraina Majid, 1985 : 101) Pada tahun 1913 sebuah lagi maktab didirikan di Perak. Walau bagaimanapun, kedua-dua maktab ini telah ditutup dan sebagai gantinya Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim telah didirikan pada tahun 1922 bagi menyediakan pendidikan menengah dan kursus perguruan bagi guru lelaki. Pada tahun 1935 Maktab Perguruan Perempuan Melayu di Melaka telah didirikan khusus untuk kursus perguruan guru perempuan. (Ee Ah Meng, 1999 : 10)

Menurut Abdullah Ishak, guru-guru juga telah dibekalkan dengan kursus agama Islam disamping kursus-kursus lain. Tujuan kursus itu adalah supaya bakal-bakal guru dapat melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan Islam serta melayakkan diri mereka bagi mengajar mata pelajaran berkenaan di sekolah-sekolah rendah Melayu kelak. Namun pada pandangan Awang Had Salleh, pengajaran kursus agama Islam di maktab ini begitu cetek. (Abdullah Ishak, 1995 : 144)

Walaupun begitu, sekolah Melayu menghadapi persaingan sengit dengan sekolah Inggeris kerana pendidikan sekolah Melayu tidak menjamin mobiliti sosial dan masa depan yang baik berbanding sekolah Inggeris. Pendapatan calon sekolah Melayu adalah jauh lebih rendah dengan pendapatan calon dari sekolah Inggeris yang bekerja dengan pihak kerajaan Inggeris. Anak-anak Melayu sekolah vernakular Melayu hanya bekerja sebagai petani, polis dan peon. (Ee Ah Meng, 1999 : 12) Dengan kesedaran ini, ramai masyarakat Melayu, malah kaum lain telah memandang rendah terhadap sekolah vernakular Melayu. Bahkan selepas itu orang Melayu lebih gemar menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris di bandar-bandar. Perkara ini telah mengurangkan pendaftaran pelajar-pelajar di sekolah-sekolah vernakular Melayu.

Awang Had Salleh juga berpendapat bahawa pada permulaan, sikap ibu bapa Melayu agak keberatan untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah Melayu tajaan kerajaan Inggeris kerana khuatir ia akan mengakibatkan anak-anak lelaki mereka menjadi goyang dan mereka tidak mahu kehilangan perkhidmatan mereka itu untuk menolong kerja-kerja asas di rumah. Begitu juga mereka amat takut dan syak wasangka dengan pendidikan sekular tajaan penjajah. (Awang Had Salleh, 1974 : 18)

Dari aspek kualiti perkembangan pelajaran, sekolah Melayu adalah kurang menarik kerana bangunan sekolah serta alat kelengkapan tidak setanding dengan sekolah pengantar bahasa Inggeris. Kekurangan buku teks untuk perpustakaan sekolah dan kekurangan guru terlatih menjadi masalah besar di sekolah Melayu. Murid-murid di sekolah Melayu tidak ada peluang untuk belajar

bahasa Inggeris dan juga tidak dapat melanjutkan pelajaran di peringkat menengah. Peluang-peluang kemajuan ekonomi serta sosial bagi mereka yang mendapat pendidikan sekolah Melayu tidaklah begitu banyak sebelum tahun 1942. Ini adalah kerana pelajaran yang dirancangkan oleh kerajaan British untuk orang Melayu tidak bertujuan untuk menjadikan suatu alat perubahan tetapi mengekalkan cara hidup tradisional orang Melayu. (Zuraina Majid, 1985 :102)

Dalam tempoh kira-kira 60 tahun sistem sekolah vernakular Melayu, iaitu sehingga tahun 1941 sistem pendidikan ini tidak pernah ditinggikan tarafnya dan sememangnya kerajaan British tidak bermaksud untuk meninggikannya bahkan hanya sekadar melebihi dari tarat peringkat rendah sahaja. Tujuannya tidak lebih daripada sekadar untuk menghapuskan buta huruf sahaja dan mengekalkan tradisi masyarakat pada masa itu sahaja.

Jadual 7

LATAR BELAKANG PENDUDUK TANAH MELAYU YANG BERASAL DARIPADA INDONESIA

KAUM	LATAR BELAKANG
Orang Jawa	<ul style="list-style-type: none"> Penghijrahan beramai-ramai akibat daripada dasar transmigrasi Belanda, iaitu perpindahan penduduk daripada Pulau Jawa Kebanyakan mereka terdiri daripada pekerja di ladang-ladang kopi, getah dan di kawasan tanah yang baru di buka. Dianggarkan pada tahun 1930 terdapat 170,000 orang Jawa di Singapura. Di Tanah Melayu kebanyakannya orang Jawa terdapat di Johor (Muar, Batu Pahat dan Pontian), Selangor (Kelang, Kuala Selangor, Kuala Langat), dan Perak (Hilir Perak, Krian, Parit Buntar)
Orang Banjar	<ul style="list-style-type: none"> Orang Banjar berasal daripada daerah Banjarmasin, Kalimantan Kebanyakan mereka melibatkan diri dalam perusahaan tanaman padi Pada tahun 1931 bilangan penduduk Banjar di Tanah Melayu ialah 45,382 orang. Kebanyakan orang Banjar mendiami kawasan pinggir pantai dan lembah-lembah sungai seperti di Kerian, Parit Buntar (Perak), Sabak Bernam (Selangor) dan Batu Pahat (Johor).
Orang Bugis	<ul style="list-style-type: none"> Orang Bugis berasal dari Pulau Sulawesi. Mereka merupakan golongan peniaga dan di Tanah Melayu mereka ramai menetap di Perak, Selangor, Pahang dan Johor. Di Johor kebanyakannya orang Bugis tinggal di kawasan Benut, Kukup dan Rengit (daerah Batu Pahat), sementara di Selangor kebanyakannya terdapat di Lembah Langat. Di Perak orang Bugis merupakan golongan pedagang.
Orang Boyan	<ul style="list-style-type: none"> Orang Boyan adalah berasal daripada Pulau Boyan. Kebanyakan mereka berhijrah di Singapura, Ipoh, Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang. Mereka tertumpu di bandar-bandar besar kerana mereka mempunyai keahlian di dalam memelihara kuda lumba
Orang Minangkabau	<ul style="list-style-type: none"> Orang Minangkabau adalah berasal dari Sumatra. Di Tanah Melayu tumpuan mereka adalah di Negeri Sembilan dan Melaka di mana mereka dikenali sebagai pengamal Adat Perpatih. Kebanyakan mereka terlibat dalam perniagaan dan pertanian.

(Nazaruddin Haji Mohd Jali, et. al., 2001 : 199)

5.5.2. Sekolah Vernakular Cina

Sebenarnya orang Cina mempunyai hubungan lama dengan Tanah Melayu terutama menerusi kegiatan perdagangan. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka telah wujud hubungan politik yang agak akrab dengan negara China. Dengan pengambilan Pulau Pinang (1786) dan Singapura (1819) bermulalah satu tahap baru kedatangan orang-orang Cina ke Tanah Melayu. Kerajaan British menggalakkan kedatangan mereka kerana berpendapat bahawa orang Cina mempunyai semangat bekerja kuat, berdaya usaha dan bersifat keusahawanan. Selain terlibat dalam perdagangan terdapat orang-orang Cina yang bekerja di sektor pertanian. Mereka mengerjakan kebun-kebun lada hitam, gambir, buah pala, bunga cengklik, kelapa, tembakau, ubi kayu dan sirih. (Mohd. Isa Othman, 2002 : 171)

Orang-orang Cina mula datang ke Tanah Melayu dalam komuniti yang besar semasa penjajahan British. Dasar British yang menggalakkan kemasukan orang Cina itu, mempunyai kepentingan dari segi ekonomi. Kemasukan orang Cina juga berkait rapat dengan kekayaan Tanah Melayu dengan hasil galian iaitu bijih timah. British telah menggalakkan orang-orang Cina datang dan melakukan kerja-kerja perlombongan bijih timah.

Penghijrahan beramai-ramai orang Cina ke Tanah Melayu berlaku pada pertengahan kurun ke19 hingga ke 20. mengikut banci tahun 1891, separuh penduduk di Perak, Selangor dan Sungai Ujung adalah orang Cina. Dari tahun

1895 hingga 1927 dianggarkan enam juta orang Cina memasuki Tanah Melayu. Kebanyakan mereka berasal dari China Selatan. Kawasan tumpuan ialah negeri-negeri pantai barat Tanah Melayu yang mempunyai banyak peluang ekonomi. Bidang utama ialah kegiatan perlombongan bijih timah di Larut, Lembah Klang dan Sungai Ujung. (Mohd. Isa Othman, 2002 : 171-172)

Penghijrahan orang-orang Cina ke Tanah Melayu adalah berdasarkan beberapa faktor iaitu kesukaran hidup di Negara China, ketidakstabilan politik di kawasan Selatan China, pertumbuhan perusahaan bijih timah dan getah, kestabilan politik di Tanah Melayu, kemudahan untuk berhijrah dan ciri-ciri penduduk China yang mempunyai daya usaha yang tinggi dan bersifat suka mengembara. (Nazaruddin Hj. Mohd Jali, et. al., 2001 : 203) Masyarakat Cina terbahagi kepada pelbagai puak berdasarkan bahasa atau dialek pertuturan mereka. Kalau ditinjau dari segi pola penghijrahan berdasarkan kelompok bahasa atau dialeknya, didapati bahawa pendatang-pendatang itu terdiri daripada kelompok bahasa Teochew dan Kantonis yang berasal dari Kwantung, Hokkien dari Fukien, mereka yang bertutur dalam dialek Hakka berasal dari daerah pergunungan Kwantung, Kwangsi serta Fukien dan kelompok dialek Hainanis dari Pulau Hainan. (Azmah Abdul Manaf, 2001 : 9)

Jadual 8

LATAR BELAKANG PENDUDUK CINA DI TANAH MELAYU

Kelompok	Bilangan Penduduk tahun 1921	Ciri Pekerjaan
Hokien	380,656	Peniaga dan pekedai
Kantonis	332,307	Pelombong dan tukang mahir (kayu, kasut, dan besi)
Hakka	218,139	Pelombong
Teochew	130,231	Pekedai dan pekebun
Hailam	68,393	Pekedai makanan dan pembekal keperluan domestik

(Nazaruddin Hj. Mohd Jali, et. al., 2001 : 204)

Di abad ke 20 penduduk Cina di Tanah Melayu bertambah dengan pesat, malahan pada tahun 1941 orang Cina merupakan kaum terbesar di Tanah Melayu iaitu 43.0 peratus berbanding dengan kaum Melayu 41.0 peratus.

Kemasukan beramai-ramai orang-orang Cina di Tanah Melayu telah menimbulkan keperluan pendidikan anak-anak orang-orang Cina. Inilah punca yang menyebabkan kelahiran sekolah-sekolah Cina. Sekolah Cina pertama ditubuhkan di Melaka pada tahun 1815 oleh sekumpulan mubaligh dari Persatuan Mubaligh London. Kemudiannya sekolah Cina dibuka oleh individu Cina, persatuan Cina daerah, persatuan suku kaum dan jabatan pentadbir. Individu dan persatuan biasanya akan menderma secara bulanan untuk menampung perbelanjaan pengurusan sekolah tersebut. Pihak pentadbiran Inggeris tidak campur tangan, malahan menentang keras pembiayaan untuk pembinaan sekolah Cina. (Ee Ah Meng, 1999: 13)

Kerajaan British tidak membantu penubuhan sekolah Cina kerana penduduk Cina di Tanah Melayu dianggap sebagai penduduk asing sementara. Oleh yang demikian kaum Cina mengambil inisiatif sendiri untuk menubuhkan sekolah-sekolah Cina di negeri ini. (Zuraina Majid, 1985 : 102)

Dr. Sun Yat Sen yang menetuai Parti Revolusi di Negara China telah melawat Negeri-Negeri Selat dalam tahun 1900 (Chelliah, 1948 : 24) Beliau di tahan dan dihantar pulang ke China oleh British. Walaupun begitu beliau masih berkunjung ke Tanah Melayu beberapa kali antara tahun 1906-1911. Kehadiran beliau telah mempengaruhi seluruh kawasan Nanyang (Laut Selatan) dan turut dirasai oleh sekolah-sekolah Cina di Tanah Melayu.

Sehubungan itu pada tahun 1904 sebuah sekolah Cina telah ditubuhkan di Singapura dengan rupa bentuk dan gaya yang moden. Cheng Soo Leong, iaitu murid tua ‘Raffle Institution’ telah menujuhkan sekolah itu yang diberi nama sekolah Cina Yiu Sin. (Chelliah, 1948 : 25)

Wong Yok Nyen menyatakan pada tahun 1904 juga, Chan Pai-Si (Penolong Penasihat Ching di Pulau Pinang) telah menujuhkan sekolah Confucius Chung Hwa di Pulau Pinang. Pada tahun 1906 pula sekolah Confucius di Kuala Lumpur, Sekolah Yuk Choy di Ipoh, Perak dan sekolah Keluarga Khoo di Pulau Pinang. (Wong Yok Nyen, 1981 : 160)

Pada tahun 1908, sekolah perempuan Cina yang pertama telah didirikan di Kuala Lumpur dan dinamakan sekolah Kuen Cheng. Pada tahun 1911,

seorang ahli perniagaan berketurunan Teochew telah menubuhkan sekolah perempuan Cina di Singapura.

Di mana ada penduduk Cina, sama ada di semenanjung atau Sabah dan Sarawak, masyarakat Cina melalui usaha orang perseorangan yang kaya dan persatuan-persatuan telah menubuhkan sekolah-sekolah Cina bagi memastikan pengekalan warisan budaya dan bahasa mereka di tempat asing. Kurikulum sekolah abad kedua puluh adalah berorientasikan pemikiran di Tanah Besar China. Buku- buku teks dan guru-guru didatangkan terus dari Negara China. Murid-murid di sekolah Cina diajarkan bahan-bahan klasik secara hafalan, mengira dengan cepua dan tulisan Cina. (Sufean Hussin, 1993 : 15)

Perkembangan sekolah-sekolah Cina yang selanjutnya adalah didorong oleh pergerakan 4 Mei 1919 di Negara China. Revolusi tersebut telah mengilhamkan penggantian bahasa persuratan Wen Yan kepada bahasa kebangsaan yang baru iaitu Bai Hua. Sehubungan itu, buku-buku teks baru telah dikeluarkan selari dengan hasrat penyatuan seluruh Negara China. Selain itu juga apabila kerajaan Manchu berakhir dan diganti dengan Republik China, fahaman politik yang baru juga turut diterapkan ke dalam pendidikan sekolah-sekolah Cina di Tanah Melayu. (Kua Kia Soong, 1990 : 24-25)

Dalam aspek pendidikan, sikap masyarakat Cina lebih ketara berorientasikan ke negara asal. Kebebasan yang telah diberikan oleh kerajaan British telah memberi peluang kepada masyarakat Cina untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka yang mirip kepada sistem pendidikan

negara China sendiri. Mereka mementingkan pendidikan untuk anak-anak sanggup mengeluarkan belanja untuk mendirikan sekolah. Malah mereka sanggup mengeluarkan belanja untuk mengimport guru-guru dari negara China bersama-sama dengan buku-buku teks sekolah yang dikeluarkan di sana untuk diajar kepada anak-anak mereka. Sekolah malam juga ditubuhkan untuk memberi pendidikan kepada generasi yang lebih tua. (Azmah Abdul Manaf, 2001 : 93)

Orang-Orang Cina di Tanah Melayu sangat setia kepada negara asal mereka dan mengikuti segala perkembangan yang berlaku di China dengan begitu minat dan rapat sekali. Contohnya apabila persidangan keamanan Versailles pada tahun 1919, memutuskan untuk menyerahkan segala konsesi Jerman di Shantung kepada Jepun. Orang-orang Cina di Tanah Melayu turut melancarkan pemulauan terhadap barang-barang Jepun. Contoh lain, orang-orang Cina telah memulaukan perayaan keamanan oleh pihak British. Menurut Lee Ting Hui bermula dari pemulauan inilah kerajaan British mengubah sikap terhadap pendidikan Cina di tanah Melayu. (Lee Ting Hui, 1957 : 52)

Setelah menyedari hakikat bahawa terdapat banyak implikasi buruk yang bakal timbul akibat sistem pendidikan Cina yang mula menyebarluaskan ideologi dikalangan pelajar-pelajarnya, terutama dalam kelas-kelas malam, pada tahun 1920 kerajaan British telah bertindak menjalankan dasar mengawal sistem pendidikan untuk kaum Cina. (Azmah Abdul Manaf, 2001 : 94)

Menurut Abdul Rahim M. Ali juga pentadbiran British bersikap tidak campur tangan sama ada dari segi pembinaan, pembiayaan dan pengurusan sekolah-sekolah Cina. Namun begitu, apabila wujudnya perkembangan anti Inggeris di kalangan masyarakat Cina, pihak pentadbir British telah melaksanakan 'Enakmen Pendaftaran Sekolah' pada tahun 1920 bagi mengawal perkembangan sekolah-sekolah Cina. (Abdul Rahim M. Ali, 2001 : 4) Undang-undang untuk mendaftar sekolah dan guru sekolah Cina dikuatkuasakan pada tahun 1920 dan skim bantuan sekolah Cina juga dilaksanakan. Tindakan ini diambil oleh kerajaan British untuk mengurangkan kegiatan-kegiatan anti kerajaan.

Pada zaman darurat 1948, kampung-kampung baru Cina telah dibina oleh penjajah. Di kampung-kampung ini pihak British telah menggalakkan penubuhan sekolah-sekolah rendah Cina dengan tujuan supaya dapat mengisi waktu luang bagi anak-anak kaum Cina agar tidak melibatkan diri dalam aktiviti politik semasa. Namun penubuhan sekolah-sekolah Cina ini adalah bergantung kepada masyarakat Cina berkenaan dan dengan itu juga semakin banyaklah sekolah-sekolah Cina persendirian telah ditubuhkan oleh individu atau persatuan masyarakat Cina di Tanah Melayu.

Struktur pelajaran sekolah Cina adalah seperti yang terdapat di Negara China iaitu peringkat sekolah rendah 6 tahun, peringkat sekolah menengah rendah 3 tahun dan peringkat sekolah menengah atas 3 tahun. Keadaan sekolah Cina pada masa penjajah British adalah sangat tidak memuaskan kerana peruntukan wang yang diberi oleh kerajaan kepada sekolah tidak mencukupi,

kualiti bangunan sangat rendah dan guru-guru berkelayakan rendah dan gajinya pun dibayar rendah.

5.5.3. Sekolah Vernakular Tamil

Kehadiran orang-orang India ke Tanah Melayu sebenarnya boleh dikesan melalui sejarah kira-kira 2,000 tahun lalu di mana mereka ini berdagang dengan negeri-negeri pelabuhan yang wujud di Tanah Melayu ketika itu. Pada zaman kerajaan Melayu Melaka pengaruh Tamil-Islam sudah berperanan penting di dalam sistem pemerintahan. Malah terdapat penempatan orang India di Melaka yang dikenali sebagai Kampung Kling. Semasa pendudukan British di Pulau Pinang pada tahun 1786, buruh-buruh India telah berhijrah ke sana untuk bekerja di ladang-ladang tebu dan juga sebagai pembantu domestik. Banduan-banduan daripada India juga dibawa masuk oleh British untuk bekerja membina bangunan dan jalanraya. (Nazaruddin Hj. Mohd Jali, et. al., 2001, 206)

Secara amnya beberapa faktor penting tentang penghijrahan orang-orang India ke Tanah Melayu iaitu kesukaran hidup di India, pertumbuhan ekonomi yang pesat di Tanah Melayu dan galakkan daripada kerajaan British. Ramai daripada orang-orang India adalah berketurunan Tamil, Malayali, Telugu dan Sikh. Penghijrahan secara beramai-ramai di kalangan orang India ke Tanah Melayu ialah pada tahun 1880 an akibat pembukaan ladang-ladang kopi.

Jadual 9

LATAR BELAKANG PENDUDUK INDIA DI TANAH MELAYU

Penduduk	Latar Belakang
Tamil	Berasal dari Tamil Nadu. Kumpulan etnik India terbesar di tanah Melayu. Bekerja diladang-ladang getah dan kelapa sawit dan terlibat juga di jabatan kerajaan.
Malayali	Berasal dari Pantai Malabar (dikenali juga orang Malabar) Kumpulan etnik India kedua terbesar di Tanah Melayu. Terdiri daripada kelas pekerja dan kelas pertengahan. Bekerja diladang, kerani dan profesional. Terkenal dengan kedai makanan.
Telegu	Berasal daripada Andhra Pradesh. Bekerja sebagai buruh di ladang-ladang.
Sikh	Berasal dari Punjab. Bekerja di perkhidmatan polis, keratapi, pengawal keselamatan dan penternak lembu. Perkhidmatan kereta lembu memainkan peranan penting dalam pengangkutan di kawasan lombong bijih timah. Mulai 1920 an terlibat dalam bidang perniagaan dan profesional.

(Nazaruddin Hj. Mohd Jali, et. al., 2001: 208)

Rekod paling awal tentang sekolah-sekolah Tamil dikaitkan dengan *Penang Free School*. Pada tahun 1821 dua buah sekolah dalam vernakular Tamil dan Melayu telah dibuka di premis *Penang free School*. Sekolah Tamil itu telah beroperasi sehingga tahun 1823 dan sekolah Melayu dapat bertahan sehingga tahun 1826. (D.D. Chelliah, 1960 : 42)

The Singapore free School pula telah dibuka pada tahun 1834 dengan diiringi oleh penubuhan sekolah vernakular rendah dengan guru-guru bahasa

vernakular. Dengan itu jabatan-jabatan Melayu, Cina dan Tamil telah dibuka. (D.D. Chelliah, 1960 : 40)

Di Melaka tahun 1850 terdapat sebuah sekolah bantuan Anglo-Tamil, iaitu bahasa Inggeris bersama dengan bahasa Tamil telah diajar dalam kurikulum sekolah ini dan sekolah ini dapat bertahan selama 10 tahun. (H.R. Cheeseman, 1947 : 25)

Sejarah perkembangan sekolah Tamil adalah berkaitan dengan perusahaan kopi, tebu, kelapa dan getah di Tanah Melayu. Penubuhan yang pesat bagi sekolah-sekolah Tamil berlaku semasa kemasukan buruh-buruh India secara beramai-ramai di antara pertengahan abad ke sembilan belas hingga ke Perang Dunia Kedua. Oleh kerana buruh-buruh India diambil bekerja di ladang-ladang kopi, gula, kelapa dan getah, maka sudah sememangnya sekolah-sekolah Tamil ditubuhkan di kawasan-kawasan ladang khususnya di Negeri Sembilan, Melaka, Seberang Perai dan Utara Johor. (Sufean Hussin, 1993 : 16) Kebanyakan sekolah diusahakan oleh pihak persendirian.

Pada mulanya British sebenarnya tidak berminat dengan pendidikan Tamil di Tanah Melayu. Namun kesedaran bahawa pendidikan perlu disediakan untuk menarik lebih ramai penduduk Tamil dari India datang bekerja di ladang-ladang di Tanah Melayu, maka kerajaan British telah menyediakan pendidikan Tamil sebagai satu tarikan dan untuk mengaut keuntungan dari pelaburan yang sedikit. Jelas sekali kerajaan British tidak menganggap penyediaan pendidikan Tamil ini

bukan sebagai tanggungjawab sosial tetapi hanya untuk kepentingan ekonomi sahaja.

Sikap British yang tidak mengendahkan tentang kepentingan pendidikan bagi kanak-kanak India makin terserlah dengan kenyataan W.H. Treacher yang ternyata melepaskan tangan dalam laporannya pada tahun 1901 yang berbunyi :

'It is not the proper policy for the government to undertake the education of the alien temporary education in their own language'.

(Philip Loh Fook Seng, 1975 : 44)

Pada tahun 1902 kerajaan British telah merubah dasar tersebut dan sanggup memberi kemudahan bagi pelajaran kaum India. Pada tahun 1912, undang-undang buruh di Negeri-negeri Melayu Bersekutu memerlukan semua ladang yang ada sekurang-kurangnya 10 orang kanak-kanak di antara 7 -10 tahun disediakan sekolah dan guru untuk diberi pelajaran kepada kanak-kanak tersebut. (Zuraina Majid, 1985 :103)

Pertubuhan Kristian juga membantu menggalakkan perkembangan sekolah Tamil terutamanya di Pulau Pinang, Perak, Selangor, Johor dan Singapura. Tetapi kemajuan sekolah Tamil tidak menggalakkan kerana masalah kekurangan pelajar, sikap tidak ambil peduli ibu bapa, kekurangan kemudahan seperti guru dan buku-buku teks. (Mohd. Isa Othman, 2002 : 214)

Sekolah Tamil yang dibina di estet-estet kopi, kelapa, tebu dan getah. Pentadbir British telah mewajibkan tuan punya estet menyediakan sekolah Tamil

untuk anak-anak pekerja mereka. Oleh kerana ia terbatas di kawasan estet dan sumber kewangan serta tenaga yang terhad, pendidikan di sekolah-sekolah Tamil hanya tertumpu kepada sekolah rendah sahaja. (Abdul Rahim M. Ali, 2001 : 4)

Masyarakat India tidak perlu bersusah payah menyediakan pendidikan anak-anak mereka kerana mereka telah disediakan sekolah-sekolah untuk anak-anak mereka dengan bahasa pengantarnya sama ada bahasa Tamil, Malayali atau Telugu. Bagaimanapun dari segi guru, kurikulum yang diajar dan buku-buku teks yang digunakan masih bersumberkan negara asal mereka. Terdapat para kangani (pengawas) yang dipertanggungjawabkan dalam hal sperti ini bertindak mengimport guru-guru dari India atau mereka sendiri bertindak sebagai guru. Jadi masyarakat India berkenaan hanya didedahkan dengan sistem pendidikan India sahaja dan tidak timbul sebarang masalah kepada kerajaan British. (Azmah Abdul Manaf, 2001 : 94)

Selain dari sekolah-sekolah di ladang getah kerajaan British juga menubuhkan sekolah Tamil di kawasan bandar bagi anak-anak pekerja di Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Keratapi. Pengajian asas di sekolah Tamil mengambil masa empat tahun dan biasanya diajar oleh guru-guru yang berkelayakan rendah di bangunan-bangunan sekolah yang tidak sesuai.

Sekolah Anglo Tamil ditubuhkan di Melaka pada tahun 1830 tetapi telah ditutup 10 tahun kemudian. Dengan perkembangan Singapura sebagai pusat perdagangan permintaan untuk penterjemahan Tamil diperlukan lebih ramai. Ini

mendorong diwujudkan dua buah sekolah pada tahun 1873 dan 1876. kedua-dua sekolah ini menyediakan untuk pertama kalinya pelajaran bahasa Inggeris dengan pengantaraan bahasa Tamil. (Mohd. Isa Othman, 2002 : 214)

Menjelang tahun 1930 terdapat empat jenis sekolah vernakular Tamil iaitu sekolah kerajaan, sekolah estet, sekolah persendirian oleh masyarakat India, dan sekolah persendirian oleh pendakwah Kristian. (Sufean Hussin, 1993: 17)

Jadual 10

KOMPOSISI KAUM DAN SUKU KAUM PENDUDUK TANAH MELAYU

SEMENANJUNG MALAYSIA				SABAH	SARAWAK
Melayu	Cina	India	Orang Asli		
<ul style="list-style-type: none"> • Banjar • Boyan • Bugis • jawa • Kampar • Kerinci • Mendaling • Minangkabau • Rawa • Johor-Riau 	<ul style="list-style-type: none"> <i>Hokien:</i> • Chuan-chew • Chin-chew • Eng-hua • Eng-choon • Hok-chew <i>Kwangtung</i> • Kanton • Teochew • Hakka • Hailam 	<ul style="list-style-type: none"> • Malayali • Punjabi • Selon • Tamil • Telegu 	<ul style="list-style-type: none"> • Negrito • Senoi • Melayu Asli (setiap rumpun ini pula terdiri daripada suku kaum) 	<ul style="list-style-type: none"> • Kadazan • Bajau • Dusun • Murut • Bisaya • Kadayan • Orang Sungai • Suang Laut • Brunei 	<ul style="list-style-type: none"> • Bidayuh • Bisaya • Iban • Kayan • Kedayan • Kelabit • Kenyah • Melanau • Melayu • Murut • Penan • Punan

(Nazaruddin Hj. Mohd Jali, et. al., 2001 : 191)

5.5.4. Sekolah Inggeris

Pelopor-pelopor pendidikan Inggeris di Tanah Melayu terdiri dari pelbagai badan mubaligh, pertubuhan-pertubuhan amal dan orang perseorangan. Kerajaan British pada awal abad ke 19 telah menumpukan usahanya kepada pemeliharaan keamanan negeri dan perkembangan ekonomi dan tidak menganggap pemberian kemudahan pendidikan sebagai satu tanggungjawab. Sekolah Inggeris yang pertama ialah *Penang Free School* di Pulau Pinang pada 1816.

Semasa penjajahan British, sekolah Inggeris terdiri daripada tiga jenis iaitu *free school* yang mendapat bantuan kerajaan, yang kedua sekolah Inggeris separa bantuan, yang dimulakan oleh badan mubaligh Kristian dengan bantuan kerajaan, dan yang ketiga ialah sekolah Inggeris persendirian. *Free school* dinamakan sedemikian bukan kerana tidak dikenakan bayaran yuran, tetapi kerana ia dibuka kepada murid-murid dari semua bangsa tanpa mengira kaum dan taraf ekonomi. Sekolah ini juga tidak mengenakan yuran kepada mereka yang tidak mampu. *Penang Free School* merupakan *free school* yang pertama dan dimulakan pada tahun 1816 atas inisiatif Rev. R. Hutchings. Pendidikan yang disediakan merupakan pendidikan rendah asas dan pada tahun 1891 sekolah tersebut mula menyediakan pendidikan sekolah menengah. Pada Tahun 1826 *Malacca Free School* telah ditubuhkan dan kemudiannya ditukar nama kepada Sekolah Tinggi Melaka. Tahun 1894 Sekolah Victoria, Kuala Lumpur dan pada tahun 1906 sekolah *King Edward VII* di Taping ditubuhkan. (Ee Ah Meng, 1999: 16)

Sekolah-sekolah Inggeris ini biasanya terdapat dibandar-bandar utama di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Di zaman pemerintahan British terdapat tiga jenis sekolah Inggeris iaitu sekolah Inggeris yang ditubuhkan oleh persatuan-persatuan pendakwah Kristian seperti Katholik, Methodist, La Salle dan Protestant. Kedua ialah sekolah kerajaan seperti Maktab Melayu Kuala Kangsar dan yang ketiga ialah sekolah Inggeris persendirian. Lazimnya sekolah-sekolah Inggeris mempunyai kemudahan yang lebih bermutu berbanding dengan sekolah-sekolah vernakular kerana menerima sokongan dan bantuan kewangan daripada pihak gereja Kristian, orang perseorangan dan bantuan kerajaan British. (Sufean Hussin, 1993 : 17)

Sekolah yang diwujudkan oleh mubaligh Kristian dan mendapat bantuan daripada penajah, hanya terdapat di bandar-bandar sahaja. Kurikulumnya lebih teratur dan sistematik serta mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada pelajarnya. Ia pada dasarnya disediakan untuk anak-anak masyarakat peribumi golongan atasan serta saudagar Cina dan India. Ini akan dapat mengekalkan perbezaan sosial yang telah sedia wujud dalam masyarakat. (Abdul Rahim M. Ali, 2001 : 4)

Menurut pandangan Ramlah Adam, masyarakat Melayu telah menganggap bahawa mempelajari bahasa Inggeris akan menyebabkan seseorang Islam itu tercemar akidahnya dan dipengaruhi oleh iblis. (Ramlah Adam, 1997 : 68) Menurut kepercayaan ini juga masyarakat Melayu agak sukar untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris. Mereka bimbang

anak-anak mereka akan menjadi Kristian dan rosak moralnya, dan akan menghambat orang Melayu dalam kemajuan material. Sebahagian masyarakat Melayu tetap mementingkan pendidikan Islam yang dianggapnya sangat berguna untuk bekalan akhirat. Ada juga sebahagian masyarakat Melayu yang menyahut cabaran ilmu dalam bahasa Inggeris.

Pendidikan inggeris untuk anak-anak bangsawan Melayu dimulakan pada tahun 1905 apabila tertubuhnya Maktab Melayu Kuala Kangsar berdasarkan rundingan di antara pembesar-pembesar Melayu di Perak dengan R.J. Wilkinson. Maktab ini digelar '*Malay Eton*' kerana mempunyai kurikulum pendidikan Inggeris bercorak sekolah '*grammar*' di England. Matlamat utama sekolah ini ialah untuk mengekalkan elitisme dikalangan bangsawan Melayu dan untuk melatih anak-anak bangsawan Melayu bekerja dengan perkhidmatan British. Penubuhan maktab ini mempunyai implikasi yang besar pada masyarakat Melayu kerana menyedarkan orang Melayu golongan bawahan untuk turut sama mendapatkan pendidikan Inggeris. (Sufean Hussin, 1993 : 18)

Gambar 1



Maktab Melayu Kuala Kangsar

Kurikulum di sekolah Inggeris adalah bercorak kurikulum sekolah England. Kurikulum tersebut menumpukan kepada pelajaran akademik dan pada akhirnya murid-murid akan mengambil peperiksaan *Cambridge Overseas School Certificate*. Kebanyakan sekolah menengah Inggeris dikawal oleh kerajaan British dan murid- muridnya diambil dari sekolah rendah kerajaan.

Sebelum tahun 1942 adalah bukan menjadi hasrat kerajaan British di Tanah Melayu untuk memberi pendidikan Inggeris kepada semua masyarakat di sekolah. Kerajaan British hanya mahu masyarakat di Tanah Melayu menumpukan kepada pendidikan bahasa ibunda masing-masing supaya mereka dapat menjadi masyarakat yang baik dan berguna kepada komuniti. Kerajaan British juga merasa bimbang jika pemuda-pemuda yang mendapat pendidikan Inggeris akan menjadi masalah politik kepada kerajaannya.

5.4.5. Sekolah Agama Moden atau Madrasah

Institusi madrasah merupakan asas penubuhan sekolah agama yang wujud pada hari ini. Penubuhan institusi madrasah ini diilhamkan oleh proses sekularisasi semasa era penjajahan dan gerakan reformis Islam di Tanah Melayu. (Sharifah Zaleha Syed Hassan, 1985 : 112)

Gerakan ini sebenarnya diilhamkan oleh pergerakan-pergerakan yang berlaku di tempat lain di dunia Islam seperti gerakan Wahabi di Hijaz, gerakan

Islah dan pembaharuan Muhammad Abduh di Mesir dan lain-lain. Pada masa dahulu madrasah didirikan atas daya usaha masyarakat Islam sendiri dengan cara bergotong royong dan orang ramai menghulurkan bantuan sama ada berbentuk kebendaan atau tenaga. (Mohd Taib Osman, 1983 : 53)

Pondok dalam bentuknya yang tradisional tidak selamanya dapat bertahan. Sama halnya dengan kitab-kitab lama, tidak selamanya sesuai dengan tuntutan dan perkembangan zaman. Setelah ulama-ulama tua meninggal dunia dan pulangnya murid-murid yang tamat belajar dari luar negara, maka zaman baru pun datang dan tempat pendidikan agama juga berubah bentuk. Maka lahirlah pondok-pondok baru dalam bentuk moden iaitu madrasah. Dalam sistem madrasah para pelajar diatur secara berkelas sesuai dengan tingkat kecerdasan, mempunyai kurikulum yang jelas dan jangka masa serta panjang pendidikan ditentukan. Madrasah ini berkembang pesat sehingga hampir setiap kawasan mempunyai madrasah. Peranan madrasah bertambah besar, tidak terbatas hanya pada bidang pendidikan sahaja tetapi juga mempunyai peranan yang besar dalam bidang sosial dan budaya. (Abdul Latif Hamidong, 1993 : 749)

Madrasah mula berkembang dalam kurun ke 19 iaitu selepas penjajah Inggeris menubuhkan sekolah vernakular Melayu pada tahun 1856. Boleh jadi ada perasaan tidak puas hati dikalangan orang Melayu dengan sekolah vernakular Melayu ini kerana tidak diajarkan al-Quran, maka sebab itu tidak ramai orang Melayu yang memasuki sekolah ini. Malah setelah A.M. Skinner menubuhkan kelas al-Quran di sekolah vernakular Melayu pada tahun 1871 pun orang Melayu masih belum sepenuhnya mahu menerima dan hasilnya

lahirlah madrasah-madrasah di seluruh Tanah Melayu. (Mohd. Yusuf Ahmad, 2002 : 88)

Institusi pendidikan Islam berkembang dengan pesat lagi di Alam Melayu dengan pengenalan sistem madrasah yang merupakan institusi pendidikan yang lebih sistematik. Madrasah pertama yang didirikan adalah al-Madrasah al-Masriyyah di Bukit Mertajam pada tahun 1906 Masihi dan diikuti oleh Madrasah Iqbal al-Islamiyyah di Singapura pada tahun 1908, al-Madrasah al-Ahmadiyah di Riau, sekolah agama di kampung Ketapang, Pekan, Pahang pada tahun 1912, al-Madrasah Muhammadiyah Melayu di Kelantan pada tahun 1917, al-Madrasah al-Mashur al-Islamiyyah di Pulau Pinang pada tahun 1919, al-Madrasah al-Khairiyyah di Johor pada tahun 1920, al-Madrasah al-Idrisiyah di Kuala Kangsar, Perak pada tahun 1922, al-Madrasah al-Alawiyyah al-Madaniyyah di Perlis pada tahun 1930, Ma'ahad Mahmud di Kedah dan lain-lain. (Ahmad Tarmizi Talib, 1997 : 60)

Di samping pelajaran agama juga dimasukkan mata pelajaran umum dalam kurikulum pelajaran dengan tujuan meninggikan prestasi akademik anak-anak Melayu selaras dengan peredaran zaman dan tuntutan masa. Idea pembentukan sistem madrasah ini tidak direstui oleh ulama tradisional. Mereka membuat telahan bahawa sistem itu akan merendahkan mutu pendidikan Islam dan merugikan generasi Islam akan datang, namun usaha itu tetap diteruskan. Dengan kelahiran madrasah ini telah menggugat kedudukan penjajah British kerana madrasah ini merupakan wadah kegiatan politik Islam. (Abdulah Jusuh, 1989 : 17-19)


Kesimpulannya madrasah adalah satu institusi pengajian Islam yang nampaknya lebih maju dan terkenal sehingga ke hari ini. Di sinilah tempat berkembangnya ilmu-ilmu Islam hingga ke zaman merdeka. Madrasah juga adalah asas permulaan kepada terbinanya institusi pengajian tinggi Islam.

Gambar 2



Al-Madrasah Al-Alawiyyah Al-Madaniyyah, Arau, Perlis

Gambar 3



Al-Madrasah Al-Idrisiyah di Kuala Kangsar, Perak

5.6. Kesan Penjajahan Ke atas Sistem Pendidikan

Kedatangan penjajah barat antaranya bertujuan untuk melumpuhkan Islam. Mereka telah berjaya memencarkan ulama dari kalangan umat Islam. Hingga para ulama rata-rata terasa rendah dibandingkan dengan yang berpendidikan barat dan sekular. Mereka diletakkan dalam kelas yang rendah. Dalam masyarakat mereka dikira layak membaca doa dan ketua tahlil. Telah tertanam dalam fikiran rakyat bahawa golongan agama tidak layak memerintah dan jika mereka memerintah, mereka tidak boleh membawa kemajuan.

Dr. Yusuf Al-Qardawi menegaskan tamadun yang menguasai kita adalah tamadun barat. Malah asas perkembangan masyarakat kita sendiri

bertunjangkan tamadun barat yang telah dipahat oleh penjajah berabad-abad lamanya sebelum kita mencapai kemerdekaan dan berlarutan diwarisi oleh tokoh-tokoh yang dikurniakan kemerdekaan oleh penjajah-penjajah tersebut. Walaupun ada dakwaan yang mengatakan apa yang diamalkan di negara ini telah disesuaikan dengan nilai-nilai kemasyarakatan yang juga bertonggakkan nilai Islam dan masyarakat Timur tetapi asas dan falsafah tamadun barat tetap tidak berubah. Ia telah meresap ke dalam sistem masyarakat Melayu. Antara contoh yang dapat dilihat dengan nyata adalah dalam sistem pendidikan, dimana wujudnya dualisme di dalam sistem persekolahan iaitu sekolah rendah kebangsaan dan sekolah kelas agama dan fardhu ain (KAFA). Di dalam sistem perundangan wujud mahkamah sivil dan mahkamah syariah. Manakala di dalam sistem ekonomi pula wujud sistem kewangan Islam dan konvensional. (Fadhil Mohd Nor, 1999 : 9)

Ulama selaku individu yang mempunyai kefahaman agama yang dalam, tidak boleh mencampuri urusan politik kerana ulama itu kerjanya hanya di masjid dan di surau-surau. Ulama yang mencampuri urusan politik itu akan dikatakan sebagai bukan ulama yang tulen kerana ulama tidak perlu kepada kuasa. Maka serahkanlah kepada ahli politik sahaja urusan politik.

Menurut pandangan Awang Had Salleh, ada empat tujuan besar pendidikan Melayu anjuran penjajah iaitu yang pertama ialah untuk kestabilan politik agar tidak akan kacau seperti berlaku di India. Kedua ialah untuk mengekalkan *Status Quo* iaitu membiarkan orang Melayu terus menjadi penanam padi yang dibuat turun temurun, mereka jangan diberi keluar dari

kampung mereka dan supaya mereka terus tinggal di sawah padi serta jangan hilang kemahiran dan kesenian mereka. Ketiga ialah untuk menghasilkan pekerja-pekerja rendah seperti pemandu kereta lembu, penanam padi, nelayan, pekedai-pekedai kecil, peon, kerani kastam, pekerja-pekerja jabatan hutan dan lain-lain. Keempat pula ialah untuk menghapuskan buta huruf sahaja supaya mereka menjadi cerdik dan tidak ditipu oleh penipu yang tidak bertimbang rasa dalam masyarakat yang bercampur. (Awang Had Salleh, 1974: 13)

Pelajaran rendah Melayu dapat dikatakan mencapai matlamat penjajah British, iaitu menjadikan orang Melayu sekadar tidak buta huruf, berpuas hati dengan hidup dikampung yang miskin dan tidak mempunyai kesedaran politik yang boleh menimbulkan tentangan terhadap British.

Namun begitu lahir juga golongan yang memperjuangkan nasib bangsa hasil dari pendidikan tinggi agama yang diperolehi dari negara-negara Timur Tengah. Namun perjuangan golongan intelektual awal ini agak mengecewakan. Salah satu faktornya ialah tingkat pemikiran orang-orang Melayu ketika itu majoritinya mempunyai pendidikan asas sahaja dan sudah tentu mereka belum mampu melibatkan diri dalam tinjauan yang mendalam dan teliti dalam soal 'advanced' yang disogokkan oleh para intelektual. Walau bagaimanapun para intelektual ini tidak gagal sarna sekali, sekurang-kurang mereka telah berjaya menggerakkan orang melayu memikirkan nasib mereka di Tanah air mereka sendiri. Kesedaran inilah yang telah memunculkan pejuang-pejuang berikutnya (Yusoff Iskandar dan Khalil Yusoff, 1979 : 8 -10)

Kita sering mendengar golongan nasionalis dari penuntut-penuntut *Sultan Idris Training College* (SITC). Sebenarnya inilah satu lagi golongan pejuang sosio-politik Melayu yang wujud di akhir tahun 1920an. Berbeza dari golongan intelektual yang pertama iaitu mereka yang berpendidikan Arab dan Inggeris, golongan ini adalah terdiri dari guru-guru yang rata-rata menerima pendidikan Melayu. Bila menyebut kumpulan nasionalis dari kumpulan ketiga ini nama Ibrahim Hj. Yaakub tentu tidak dapat diabaikan lantaran peranannya dalam bentuk organisasi perjuangan di mana guru-guru lepasan SITC itu bergerak. (Yusoff Iskandar dan Khalil Yusoff, 1979 : 13)

5.7. Kesimpulan

Kesimpulannya kita dapat dalam jangkamasa yang sedemikian lama, golongan yang tidak berpendidikan Inggerislah yang paling ramai melibatkan diri dalam melancarkan gerakan sosio-politik untuk kepentingan orang Melayu. Masyarakat Melayu yang mendapat pendidikan Inggeris adalah dari golongan bangsawan atau golongan elit. Mereka mudah mendapat pekerjaan dan diberi pendapatan yang tinggi berbanding golongan pendidikan Islam yang terdiri dari pelajar yang menyambung pelajaran di Timur Tengah. Masyarakat Melayu yang mendapat pendidikan Inggeris juga telah dipilih oleh kerajaan British sebagai pemimpin masyarakat supaya mereka boleh dikawal dan juga mengamalkan kehendak dan kebudayaan masyarakat barat.